

**“Saya ingin berkongsi suka duka dan sokongan individu sekeliling saya yang membantu dan memahami pelbagai kesukaran terpaksa ditanggung  
Filzatus Syahida**

**METRO AHAD**



**FILZATUS Syahida** menghasilkan novel bertajuk *Love You Tomodachi*.

**Mohd Rafi Mamat**  
cnews@nstp.com.my

**Kuantan**

**P**enderitaan penyakit tulang belakang yang dialaminya memberi inspirasi kepada Filzatus Syahida Abdul Wahid berkongsi pengalaman menerusi novel berjudul *Love You Tomodachi* karyanya sendiri.

Wanita berusia 22 tahun itu mengambil masa setahun untuk menghasilkan novel yang bermaksud ‘sayang awak sahabat’ menceritakan sokongan kuat diberikan semua pihak kepadanya sepanjang lima tahun menderita penyakit itu.

“Saya ingin berkongsi pengalaman sebenar apa yang saya alami hingga terpaksa bergerak menggunakan kerusi roda. Sokongan keluarga, rakan dan pesyarah menjadi pendorong untuk berjaya dalam pelajaran.

“Episod terjatuh ketika bermain bola jaring di sekolah menengah menjadi punca kepada masalah tulang belakang,” kata pelajar Kolej Universiti Islam Pahang Sultan Ahmad Shah (KUIPSAS) di sini.

Filzatus Syahida yang tidak mempunyai pengalaman dalam bidang penulisan berkata, cabaran utama menghasilkan novel

# INSPIRASI KERUSI RODA

■ **Gadis hasil novel hadiah buat sahabat bersama tempuh derita penyakit tulang belakang**



**FILZATUS Syahida** meminati bidang penulisan selepas berjaya menghasilkan novel *Love You Tomodachi*.

berkenaan apabila pihak penerbitan tiga kali menolak karya yang dihasilkan.

Selepas dua kali ditolak, katanya, perasaan malas dan kecewa menguasai diri namun dengan sokongan keluarga dan syarikat penerbitan menguatkan semangat untuk berkarya dan menyiapkan novelnya.

“Saya bersyukur selepas setahun berhempas pulas menulis dan membaiki

pelbagai kesilapan akhir saya kerana dapat menghasilkan novel yang sepenuhnya menceritakan kisah hidup saya sepanjang lima tahun menanggung penyakit tulang belakang.

“Saya ingin berkongsi suka duka dan sokongan individu sekeliling saya yang membantu dan memahami pelbagai kesukaran ditanggung hingga hampir mematahkan semangat untuk belajar.

“Dalam keadaan yang sukar saya bersyukur diberi peluang melanjutkan pengajian dalam jurusan Diploma Dakwah dan Pengurusan di KUIPSAS,” katanya yang kini menyambung pengajian ijazah dalam bidang yang sama.

Dia memilih perkataan Jepun (*Tomodachi*) sebagai tajuk novelnya kerana sejak kecil meminati cerita itu selain terabit dengan kelab Jepun ketika di sekolah menengah.

Filzatus Syahida yang menerima Anugerah Kece-merlangan Sultan Ahmad Shah pada Konvokesyen Ke-17 KUIPSAS, baru-baru ini berkata, novel *Love You Tomodachi* sebelum ini meraih anugerah judul paling laris di SMO Bookstores pada November 2017.

Anak ketiga daripada empat beradik itu kini menyiapkan penulisan sebuah e-book dan dua novel berkonsepkan motivasi terutama bagi remaja supaya banyak menimba ilmu.